

**PANDANGAN HUKUM SYARA':
MENGENAI WANG ZAKAT BAGI MEMBIAYAI
KOS BERKAITAN KES PEMOHONAN
PERISYTIHARAN MURTAD DALAM
PROSES *ISTITABAH* DI BAITUL IMAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 5/2008 yang bersidang pada 2 Disember 2008 telah memutuskan seperti berikut:

- (i) Harus menggunakan wang zakat bagi membiayai kos berkaitan kes permohonan perisytiharan murtad dalam proses *istitabah* di Baitul Iman;
- (ii) Sekiranya pemohon masih dalam tempoh muallaf (5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf muallaf;
- (iii) Sebaliknya jika pemohon telah melebihi tempoh muallaf (melebihi 5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf *fisabilillah*.

Status: Tidak Warta

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor